KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	30.08.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	SEDA/TNB			

Sistem pembekalan elektrik negara dipertingkat

Kuala Lumpur: Kerajaan akan melaksanakan program dan pembaharuan sistem pembekalan elektrik negara sebagai langkah awal merancakkan lagi komitmen negara dalam peralihan tenaga, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan meluluskan peruntukan dan pengagihan semula kuota tenaga boleh baharu (TBB) sebanyak 1,200 megawat (MW) bagi sumber solar.

"Kuota baharu itu akan diagihkan untuk pelaksanaan program di bawah mekanisme sedia ada termasuk skim *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA) dan program pemasangan solar di bumbung bangunan.

"Kuota itu terpakai untuk penerokaan kaedah pelaksanaan program TBB baharu seperti pembangunan taman solar, pembekalan elektrik untuk tujuan pusat data baharu serta penjanaan hidrogen hijau dan sebagainya.

"Ia juga bagi penyediaan opsyen baharu perolehan bekalan elektrik hijau kepada syarikat korporat melalui konsep Perjanjian Pembelian Tenaga Maya atau *Virtual Power Purchase Agreement* (VPPA), mulai suku tahun keempat 2022, dengan tawaran kuota 600MW.

"Dengan persetujuan ini, kerajaan menjangkakan 14,000 peluang pekerjaan dan nilai pelaburan baharu berjumlah RM6 bilion dapat diwujudkan bagi menyokong pembangunan industri TBB negara," katanya merasmikan Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Kelima 2022, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Laksana inisiatif khas

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan turut melaksanakan inisiatif perintis pembangunan Pulau Tenaga Hijau di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu serta Pulau Tioman, Pahang bagi menyediakan bekalan elektrik yang konsisten, mampu bayar dan rendah pelepasan karbon.

"Pengguna elektrik di kedua-dua pulau peranginan itu akan menerima bekalan elektrik selama 24 jam menjelang 2025, sekali gus mengurangkan kira-kira 70 peratus pelepasan gas rumah kaca," katanya.

Beliau berkata, kerajaan turut menetapkan kerangka perundangan kawal selia keselamatan pembangunan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) supaya aspek keselamatan awam dan pengguna terpelihara dan terjamin.

Sehubungan itu, katanya Garis Panduan Pembangunan Infrastruktur EV di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) akan dikuatkuasakan pada suku keempat 2022 untuk memastikan pembangunan infrastrukturnya dilaksanakan dengan selamat dan teratur mengikut piawaian yang ditetapkan.

"Saya juga ingin memaklumkan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dengan kerjasama Syarikat MySuri Biz Technologies Sdn Bhd akan menyediakan 1,000 unit EV teksi, sebagai menyokong usaha penyahkarbon negara.

"Keterlibatan pihak GLC seperti TNB perlu dipergiatkan bagi menyokong pembangunan industri EV negara," katanya.

Dalam pada itu, Takiyuddin berkata, kajian Malaysia Energy Transition Outlook (METO) kini sedang disediakan kerajaan dengan kerjasama Agensi Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (IRENA) dan dijangka siap sepenuhnya tahun hadapan.

"Ia penting kerana akan beri kita garis panduan bagaimana untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih 2050," katanya.

Katanya, ketetapan dasar serta inisiatif pembangunan tenaga lestari dijangka dapat mengurangkan 45 peratus intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sektor bekalan elektrik.

BH300822_2